



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 68  
Bil. 9

**23hb April 2015**

*TAMBAHAN*  
No. 2

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 1070.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahwasanya melalui Pemberitahuan No. 96 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 17 Februari 2000, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], telah mengisyiharkan petak tanah yang terletak di Mukim Selama, Daerah Larut, Matang dan Selama yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur No. 54284 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Perak sebagai tanah rizab bagi maksud awam iaitu suatu tapak untuk rizab Pasar Malam yang akan diselenggarakan oleh Majlis Daerah Selama dan dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;

Dan bahwasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizinan tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Selama pada 7 Mei 2015 jam 9.00 pagi.

#### JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Selama. No. Pelan—PW4076. No. Lot—4556. Luas—3,844 kaki persegi.

Bertarikh 26 Mac 2015  
[PTG.Pk. 602/8-81(B); PUPKW 56\_2015;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 68]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 96 published in the State of Perak Government Gazette on 17 February 2000, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], proclaimed that the parcel of land situated in Mukim of Selama, District of Larut, Matang and Selama described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 54284 deposited in the Office of the Director of Survey, Perak to be reserve for the public purpose, namely as the site for Public Market to be maintained by the Selama District Council and Controlled by the State Secretary Perak;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Selama on 7 May 2015 at 9.00 a.m.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

23hb April 2015]

1095

## SCHEME

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Selama. Plan No.—PW4076.  
Lot No.—4556. Area—3,844 square feet.

Dated 26 March 2015  
[PTG.Pk. 602/8-81(B); PUPKW 56\_2015;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 68]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Secretary*

*State Executive Council  
Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA